

26 JUN 2001

KONSORTIUM-PENGGABUNGAN

KONSORTIUM AKAN JADI FIRMA PENGANGKUTAN BARANGAN TERBESAR SELEPAS PENGGABUNGAN

PETALING JAYA, 26 Jun (Bernama) -- Konsortium Logistik Bhd menjangka berupaya menjadi pengusaha pengangkutan barangan terbesar di negara ini apabila cadangan syarikat itu untuk menggabungkan operasi pengangkutan barangannya dengan operasi Diperdana Holdings Bhd selesai menjelang akhir tahun ini.

"Sekarang kami menduduki tempat kedua selepas Kontena Nasional (perbadanan pengangkutan kontena nasional). Agihan pasaran kami di seluruh negara dijangka meningkat sekali ganda kepada hampir 40 peratus selepas penggabungan itu," kata naib presiden eksekutif kumpulan Konsortium Logistik Loo Hooi Keat, hari ini.

Bercakap selepas mesyuarat agung tahunan syarikat itu di sini, beliau berkata, syarikat itu sedang menjalankan kajian maklumat lengkap sebelum mengemukakan cadangan kepada Suruhanjaya Sekuriti bagi pelaksanaan penggabungan itu.

"Diharapkan kami dapat menandatangani janji niaga ini pada bulan Julai dan selesai proses pembelian sebelum akhir tahun ini," katanya.

Diperdana telah mencadangkan untuk menjual keseluruhan perniagaan pengangkutannya kepada Konsortium Logistik untuk beralih kepada bidang pembuatan alatulis jika cadangannya untuk membeli syarikat pengeluaran alatulis, Pelikan Holding AG berjaya.

Pengerusi eksekutif Konsortium Logistik, Mirzan Mahathir berkata, penggabungan yang dicadangkan dengan Diperdana itu akan membantu Konsortium Logistik meningkatkan kecekapan dan faedah daripada ekonomi bidangan bagi membolehkannya beroperasi dalam persekitaran yang lebih sukar.

Dengan asas pelanggan besar kedua-dua syarikat itu, entiti gabungan ini boleh bertahan dalam menghadapi sebarang kemungkinan pertumbuhan lembap atau sektor pengangkutan yang langsung tidak bergerak dalam jangka pendek dan persaingan harga yang lebih sengit.

"Peserta-peserta baru menawarkan diskaun untuk menarik pelanggan," kata Mirzan, merujuk kepada kemunculan 55 peserta baru dalam industri pengangkutan barangan domestik berikutan pelonggaran syarat oleh kerajaan ke atas industri terkawal ini.

Sementara itu, Loo berkata Kumpulan Logistik telah mendapat kelulusan Bank Negara Malaysia untuk mengadakan rundingan dengan Pacificmas Bhd bagi menjual perniagaan insurans amnya.

Pacificmas, yang menyerahkan balik lesen perbankannya awal tahun ini, berkata, ia telah mengenal pasti dua hingga tiga bakal rakan kongsi penggabungan bagi anak syarikatnya, Pacific Insurance Bhd.

Konsortium, yang perniagaan terasnya ialah penyediaan perkhidmatan pengangkutan barangan dan pengedaran cecair pukal menceburi perniagaan insurans am melalui anak syarikat milik 96 peratusnya, Konsortium Insurans Bhd. -- BERNAMA

MAD SEL KY ZK